

TEROKAI DUNIA BAHASA

Kelilingi dunia
bersama

**LANGUAGE
DISCOVERY**

@ SELANGOR PUBLIC LIBRARY

日本語を学
びましょう!
你好!
Merhaba!
APA KHABAR?
Ciao!
أهلاً وسهلاً
வணக்கம்
안녕!
Bonjour!
Привет!
Guten
Tag!
HOW ARE
YOU?
Hoe
gaat
het?
Hola!



20 LAPORAN
TAHUNAN
21

PERBADANAN
PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR

50 TAHUN
MEMBANGUN LEGASI 1971-2021

2021 LAPORAN TAHUNAN

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR


50 TAHUN MEMBANGUN LEGASI 1971-2021



PERUTUSAN PENERUSI



LAWATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ



PUSTAKA RAJA TUN UDA SEBAGAI PUSAT PERTEDUHAN MANGSA BANJIR



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN SEPANJANG PANDEMI COVID-19



LANGUAGE DISCOVERY

PESTA BUKU SELANGOR HIBRID 2021



Rasional Kulit Buku

Imej pada kulit buku Laporan Tahunan 2021 adalah pengenalan kepada program **Language Discovery @Selangor Public Library** iaitu program yang menawarkan pembelajaran secara asas bagi 14 bahasa asing secara atas talian.

Perpustakaan meneruskan perkhidmatannya secara alternatif atas talian walaupun operasi secara fizikal ditutup lebih kurang 6 bulan pada tahun ini. Program ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran berbahasa dan belajar mengenali budaya, cara berkomunikasi dalam bahasa asing serta meluaskan rangkaian potensi para usahawan dalam bidang perniagaan masing-masing.



MENARIK DI DALAM

PERUTUSAN Pengerusi	4
PERUTUSAN Pengarah	5
LATAR BELAKANG	6
PUSTAKA RAJA TUN UDA	8
MAKLUMAT JABATAN: VISI, MISI, SLOGAN, TAGLINE	10
AHLI LEMBAGA PENGARAH	14
KUMPULAN PENGURUSAN	16
UNIT KORPORAT	26
UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	28
UNIT KEWANGAN	30
BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PENYELENGGARAAN	32
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOLEKSI & PENDOKUMENTASIAN	38
PERKHIDMATAN PUSTAKA RAJA TUN UDA	40
PERKHIDMATAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN	42
I-STATION	44
PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2021	46
FASILITI PPAS	80
STATISTIK 2021	82
PPAS @ MEDIA	91
HUBUNGI KAMI	97
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021	105





PERUTUSAN PENGERUSI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, izinkan saya menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua pihak yang terlibat dalam penyusunan laporan tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor untuk tahun 2021 ini. Laporan ini adalah cerminan kepada kerja keras dan dedikasi yang telah dilakukan oleh seluruh kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Tahun 2021 telah menjadi tahun yang penuh dengan cabaran. Namun di tengah-tengah semua itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tetap teguh dalam misinya untuk menyediakan akses kepada pengetahuan dan informasi bagi seluruh lapisan masyarakat. Perpustakaan Awam Selangor tidak hanya menjadi tempat untuk meminjam buku, tetapi juga menjadi pusat pembelajaran, pertemuan, dan inspirasi bagi banyak orang. Melalui berbagai program dan inisiatif yang tercantum dalam laporan ini, perpustakaan negeri ini telah berhasil membawa manfaat yang nyata bagi pembangunan intelektual dan sosial masyarakat.

Saya ingin menegaskan pentingnya peranan perpustakaan negeri dalam memperkuat asas pendidikan di negeri ini. Peningkatan kualiti layanan harus diteruskan dan merangkul inovasi supaya kita dapat memastikan bahawa perpustakaan negeri kekal relevan dan berdaya saing di era digital ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh anggota kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor yang telah bekerja keras dalam menyusun laporan ini, serta kepada semua pihak yang telah mendokong dan menyumbang dalam pengembangan perpustakaan kita. Semoga laporan tahunan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor untuk tahun 2021 ini dapat menjadi sumber inspirasi bagi kita semua untuk terus mengembangkan dunia literasi dan pengetahuan di negeri kita.

Sekian, terima kasih.

**PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR
SEBAGAI PUSAT
PEMBELAJARAN,
PERTEMUAN DAN
INSPIRASI**

PERUTUSAN PENGARAH

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

DATIN PADUKA MASTURA BINTI HAJI MUHAMAD

Tahun 2021 berlalu dengan penuh pengalaman baharu, dan sudah pasti ia memberi kesan dan meninggalkan memori yang mendalam kepada semua warga kerja dan juga pengguna perkhidmatan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Sebagaimana yang diperingatkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, penjawat awam khususnya dan penduduk negeri Selangor secara keseluruhannya hendaklah berganding bahu dalam usaha ke arah menjadikan negeri ini sebagai negeri yang tahan uji.

Sungguhpun perpustakaan ditutup lebih kurang 6 bulan pada tahun ini, perpustakaan masih meneruskan perkhidmatan alternatif dan secara atas talian. Sekiranya pada tahun 2020 kami memperkenalkan perkhidmatan *BooksFly2U*, tahun 2021 pula kami memperkenalkan program *Language Discovery @ Selangor Public Library*, yakni sebuah program pembelajaran 14 bahasa asing secara atas talian. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran berbahasa para pekerja, serta meluaskan rangkaian potensi para usahawan dalam bidang perniagaan masing-masing.

Seterusnya setelah diumumkan fasa endemik yang dijangka bermula pada bulan Oktober, Pesta Buku Selangor yang pada asalnya dijadualkan lebih awal iaitu bulan Mac, telah dirancang semula dan dilaksanakan pada 2-12 Disember 2021 sebagai Pesta Buku Selangor Hibrid. Tahun ini adalah tahun terakhir bagi Pesta Buku Selangor, kerana atas saranan Dato' Menteri Besar Selangor, tahun seterusnya pesta buku ini diangkat dan dilaksanakan sebagai Pesta Buku Antarabangsa Selangor (*Selangor International Book Fair*).

Selang hampir seminggu selepas Pesta Buku Selangor Hibrid 2021 iaitu pada 18 Disember, negeri Selangor diuji dengan peristiwa banjir. PPAS secara *ad hoc* mengambil keputusan untuk membuka Pustaka Raja Tun Uda Shah Alam sebagai tempat perteduhan. Alhamdulillah, usaha PPAS mendapat sokongan penuh YAB Dato' Seri Amirudin Shari yang juga merupakan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Hasil daripada hebahan meluas "*Raja Tun Uda Library Shah Alam Is Open For Shelter*" melalui media sosial, pihak kami menerima banyak bantuan daripada agensi kerajaan, syarikat swasta dan juga individu yang turut sama menggembleng tenaga membantu para tetamu kami yang berlindung di Pustaka Raja Tun Uda Shah Alam.

Pengalaman yang ditimba dan pelbagai peristiwa tahun 2021 memberikan banyak pendedahan dan pengajaran kepada warga perpustakaan agar perkhidmatan kami dapat disampaikan lebih menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat, khususnya yang menetap di negeri Selangor. Kesemua inisiatif dan usaha ini adalah ke arah merealisasikan perpustakaan sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan spiritual, intelektual dan emosi, dan seterusnya membawa kepada kegembiraan.

Akhir kata, buat warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, saya ucapkan ribuan terima kasih atas setiap usaha yang dihulurkan tanpa mengira masa dan tenaga. Semoga setiap kebaikan yang diberikan mempermudah apa jua urusan kita dan manfaatnya berbalik semula kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.



LATAR BELAKANG

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No. 7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29,2011 (pindaan).

Pada tahun 1971, Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah dibentuk bagi memulakan sebuah Perpustakaan Awam di Negeri Selangor. Langkah pertama ke arah ini ialah dengan pengambilalihan Kelab Buku Kuala Lumpur pada 20 Oktober 1971 untuk dijadikan sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Perpustakaan ini kemudian berpindah ke Shah Alam pada 16 November 1986 dan diberi nama Perpustakaan Raja Tun Uda (RATU). Rekabentuk bangunan perpustakaan Negeri ini adalah

bercirikan kebudayaan Bugis, manakala rekabentuk dalaman merupakan pertembungan budaya Timur dan Barat. Bangunan ini mengandungi enam tingkat dan mempunyai keluasan 102,545 kaki persegi di mana 40,420 kaki persegi adalah ruang bacaan yang dianggarkan dapat menampung seramai lebih 1,000 orang pembaca pada satu-satu masa. Rak-rak pula dapat menempatkan 250,000 naskah buku.

Perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai pada 18 April 1987 dan telah dibuka dengan rasminya pada 15 Mac 1988 oleh AlMarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni AlMarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj. Perpustakaan Raja Tun Uda merupakan sebuah Perpustakaan Negeri yang juga menjadi ibu pejabat bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.



Ibu pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah berpindah sekali lagi ke bangunan baru bertempat di Seksyen 13. Perpustakaan ini merupakan hadiah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor kepada rakyat Selangor sempena pengisytiharan "Selangor Maju 2005". Pelancaran tapak perpustakaan ini telah disempurnakan pada 27 Ogos 2005 sebagai mercu tanda Selangor Maju 2005.

Perpustakaan ini telah dibuka pada 22 Julai 2011 yang mempunyai 6 aras secara keseluruhan, berkeluasan 203,600 kaki persegi dan dapat memuatkan seramai 2,500 orang pada satu-satu masa. Perpustakaan Negeri ini berfungsi mentadbir, menyelenggara dan menyelaras perpustakaan-perpustakaan di seluruh Negeri Selangor. Dalam masa yang masa, ia beroperasi sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Sejak ditubuhkan pada tahun 1971, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bergerak seiring dengan wawasan Kerajaan Negeri Selangor dan hingga kini Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mempunyai 104 pusat perkhidmatan di seluruh Negeri Selangor.



PUSTAKA RAJA TUN UDA



Pustaka Raja Tun Uda berkonsepkan “Perpustakaan Dalam Taman”, lokasinya yang strategik, iaitu bersebelahan Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah. Ini merupakan pilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor yang mahukan konsep perpustakaan ini di dalam taman.



Selain dari memberi perkhidmatan kepada pelajar, penyelidik dan pendidik, perpustakaan ini juga menjadi tempat beriadah seisi keluarga, sahabat-handai bahkan tempat mencari ilham kepada peminat buku dan pencinta seni. Sesuai dengan tagline iaitu "Rumah Keduaku", konsep di rumah dibawa ke perpustakaan di mana pengunjung boleh menikmati suasana yang nyaman, selesa dan harmoni. Inilah keistimewaan dan uniknya Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam

Bangunan setinggi 6 tingkat ini mempunyai keluasan 203,600 kaki per segi. Konsep dalamnya penuh dengan kepelbagaian warna dan variasi serta dilengkapi dengan peralatan moden dan mempunyai reka bentuk kontemporari. Ianya dapat memuatkan 2,500 pengunjung namun kadangkala boleh mencecah ke 7,000 orang sehari serta 400,000 naskhah buku.



Perpustakaan Dalam Taman

MAKLUMAT JABATAN



LOGO PRTU



PUSTAKA RAJA TUN UDA

Nama Perpustakaan Raja Tun Uda telah ditukar kepada Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam mulai Ogos 2018. Logo ini adalah atas perkenan pilihan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Al Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor.

Grafik logo ini adalah hasil ciptaan Johan Design Associates (M) Sdn. Bhd.

Penggunaan logo ini hanya untuk Pustaka Raja Tun Uda sahaja.

LOGO PPAS



Rekaan logo adalah imej unik yang berbentuk manusia yang sedang membaca di atas abjad "A". Logo ini terbahagi kepada 4 warna

Simbolik figura yang diletakkan pada huruf "A" mewakili orang awam atau ahli perpustakaan

WARNA JINGGA melambangkan kreativiti, kejayaan dan galakan

WARNA EMAS melambangkan persekitaran dunia ilmu

WARNA BIRU FIRUS melambangkan kebijaksanaan dan kearifan

WARNA PERAK melambangkan kekuatan dan kekuasaan

SLOGAN

Selangkah ke
Perpustakaan
Sejuta Senyuman,
Sekali Klik Sejuta
Maklumat

TAGLINE

PPAS Rumah
Keduaku

*PPAS My Second
Home*

VISI

Menjadi pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan spiritual, intelektual dan emosi.

MISI

- Memperkaya dan memperkasa masyarakat melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah capai dan berkualiti tinggi.
- Membangunkan prasarana perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.
- Merealisasikan sebuah pusat pengumpulan koleksi negeri.
- Membantu Kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

OBJEKTIF

- Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara perpustakaan awam negeri dan cawangan-cawangan perpustakaan di seluruh negeri.
- Mengadakan dan menyelenggarakan Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Desa.
- Mengambil alih mana-mana perpustakaan yang ada di dalam negeri dengan persetujuan pentadbiran perpustakaan tersebut.
- Mengembangkan dan menggalakkan bacaan khususnya dalam Bahasa Malaysia.





PIAGAM PELANGGAN

1. Memproses permohonan pendaftaran keahlian perpustakaan dalam tempoh satu (1) jam hari bekerja
2. Memastikan urusan pinjaman bahan perpustakaan diselesaikan dalam tempoh dua (2) minit bagi setiap pelanggan kecuali waktu sesak.
3. Memastikan bahan perpustakaan perolehan terkini tersedia di atas rak untuk rujukan pelanggan Shah Alam dalam tempoh dua (2) minggu
4. Perkhidmatan rujukan bersedia membantu anda untuk mengesan bahan maklumat tidak lebih daripada satu (1) hari
5. Memberi maklumbalas kepada aduan yang lengkap kepada pengadu dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.

AHLI LEMBAGA PENGARAH

SESI JUN 2021 – MEI 2023

PENGERUSI

YAB Dato' Seri

Amiruddin bin Shari

*Dato' Menteri Besar Selangor
Merangkap Pengerusi PPAS*

SETIAUSAHA

Datin Paduka

Mastura Hj. Muhamad

*Pengarah Perbadanan
Perpustakaan Awam Selangor*

TIMBALAN PENERUSI

YB Tuan Dr.

Maszlee bin Malik

Ahli Parlimen Simpang Renggam



**YBhg. Dato'
Nafisah binti Ahmad**
Wakil Tetap Persatuan
Pustakawan Malaysia (PPM)

**YB Dato' Hj.
Haris bin Kasim**
Pegawai Kewangan
Negeri Selangor

**YB Dato'
Nor Azmie bin Diran**
Setiausaha Kerajaan
Negeri Selangor

**Puan Rohayati
binti Abd. Hamed**
Pengaruh Jabatan
Pelajaran Selangor

**Puan Salasiah
binti Abdul Wahab**
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara
Malaysia (PNM)

**YDH Dato' Haji
Emran bin Haji Kadir**
Dato' Orang Kaya Maha
Bijaya Petaling



**Encik Mohd Khair
bin Ngadiron**
Pengaruh Majlis Buku
Kebangsaan Malaysia

**YB Tuan Haji
Saari bin Sungib**
ADUN Hulu Kelang

**YBrs. Dr.
Muhammad Alinor
bin Abdul Kadir**

**YB Puan
Wong Siew Ki**
ADUN Balakong

**Puan Pauline
Fan Yee Loon**

**YBrs. Dr.
Mohd Khairul Anam
Che Mentri**



KUMPULAN PENGURUSAN



Ketua Bahagian Unit
Pembangunan Sumber
Manusia
**Puan Sabariah
binti Sayuti**

Ketua Bahagian
Pendokumentasian
**Cik Norhafidah
binti Ehawan**

Ketua Bahagian
Pengurusan &
Pentadbiran
**Encik Norazhan
bin Sahlan**


Pengarah
**Datin Paduka
Mastura binti
Hj. Muhamad**

Timbalan Pengarah
**Puan Suzliana
binti Abdul Hamid**

Ketua Bahagian Perkhidmatan
Perpustakaan (RATU)
**Encik Mohamed Fadzli
bin Mohd Fauzi**

Ketua Bahagian Fasilitas
**Encik Zainuddin
bin Tasiman**

CARTA ORGANISASI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR





Ketua Bahagian Teknologi
Maklumat dan Pengurusan Ilmu

**Puan Haiziah
binti Abu**

Ketua Bahagian Unit Korporat
Encik Zafrullah bin Aris

Ketua Bahagian
Gerakan Membaca

**Encik Norkhairul
Nizam bin M. Sadon**

Ketua Bahagian Perkhidmatan
Rangkaian Perpustakaan

Encik Zahir bin Yahaya

Arkitek

**Encik Fahrurrazi
bin Md Shukri**

Pejabat Pengarah
**Puan Juliana Es
binti Mohd
Munawir**

Ketua Bahagian Pembangunan
Dan Penyelenggaraan

Puan Norelmin binti Sapuan

Ketua Bahagian
Unit Kewangan

**Puan Roselin
binti A. Razak**




LAWATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ, SULTAN SELANGOR PADA 12 OKTOBER 2021



Dari kiri: Pn. Suzliana Abdul Hamid (Timbalan Pengarah PPAS), Raja Tan Sri Dato' Sri Raja Arshad Bin Raja Tun Uda, YB Dato' Nor Azmie Diron (Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor), Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Sultan Selangor dan YBhg. Datin Paduka Mastura Hj. Muhamad (Pengarah PPAS) semasa lawatan rasmi ke Pustaka Raja Tun Uda pada 12 Oktober 2021 dan dipersembahkan cadangan Model 3D Projek Bangunan Pustaka Raja Tun Uda (RTU) Fasa 2B.



Sultan Selangor bersama YB Dato' Nor Azmie Diron dan beberapa pegawai PPAS melawat koleksi baharu Tuanku di tingkat 4.



Pengarah PPAS bersama Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj semasa lawatan pembentangan pembentangan cadangan Model 3D Projek Bangunan Pustaka Raja Tun Uda (RTU) Fasa 2B.



Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj bersama Raja Tan Sri Dato' Sri Raja Arshad semasa di Bilik Koleksi Selangor.

PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM SEBAGAI PUSAT PERTEDUHAN MANGSA BANJIR

18 DISEMBER 2021



Pada **18 Disember 2021**, hujan lebat berterusan di kebanyakan kawasan semenanjung mengakibatkan banjir yang luar biasa di Shah Alam. Pengguna perpustakaan terperangkap di Pustaka Raja Tun Uda kerana jalan keluar dan jalan-jalan utama termasuk Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Lembah Klang Utara (NKVE) dan Lebuhraya Lingkaran Tengah (ELITE) ditenggelami air.

Poster makluman media sosial kepada umum berkenaan Pustaka Raja Tun Uda menjadi pusat perteduhan untuk mangsa banjir telah dimuatnaik pada 18 Disember 2021 jam 8.30 malam. Pn. Roselin A. Razak, Pn. Hamidah Mohammad Noor dan Pn. Fara Fariha Baharuddin adalah antara kakitangan yang bertugas, mengendalikan dan bertindak sebagai pengurus pusat perteduhan PPAS secara *ad-hoc*.

PPAS telah menerima pelbagai sumbangan daripada individu, persatuan, NGO dan syarikat swasta. PPAS juga menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik untuk tetamu seperti Sesi Bercerita, Rahsia Insan Cemerlang Hidup (RICH) – Program Sujud Seorang Hamba, solat Subuh dan solat hajat berjemaah.

20 DISEMBER 2021



YB Puan Nurul Izzah binti Anwar turut serta menyantuni tetamu PPAS dan menyumbang 200 unit Covid-19 *self-test kit*. Turut bersama di sebelah kiri ialah En. Zakaria, tetamu PPAS.

21 DISEMBER 2021

YB Dr. Maszlee Malik beserta Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda (Pengerusi Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda) sedang menyantuni tetamu PPAS.



50 TAHUN 1971
MEMORIAL NGUN LEGASI
-2021

Ruangan rehat untuk tetamu PPAS.

22 DISEMBER 2021



Ruang rehat untuk tetamu istimewa yang berusia, keuzuran dan berkeluarga. Katil-katil ini disumbangkan kepada mereka apabila mereka pulang ke rumah masing-masing.



Pihak NADMA meminjamkan 90 khemah kepada PPAS.

23 DISEMBER 2021



Doktor daripada Hospital Salam dan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) hadir membuat pemeriksaan kesihatan secara percuma.



Sesi bercerita dan aktiviti untuk menghiburkan anak-anak tetamu PPAS daripada MBBY, AlimKids dan Persatuan Suri Rumah Rahmah Malaysia, serta Sri Alam Kondo.



Datuk Prof Dr. Muhaya bersama Tuan Fazrul Ismail dari QuranTime yang turut hadir bersama menyantuni tetamu istimewa PPAS.



Dari kiri: Ustaz Fazrul Ismail (Ketua Penyelidik Yayasan Warisan Ummah Ikhlas), YBhg. Datin Paduka Mastura Hj. Muhamad (Pengaruh PPAS), Ebby Yus, Azwan Omar (Abang Viva) dan Ustaz Amirahman Abas semasa Program Rahsia Insan Cemerlang Hidup (RICH) - Sujud Seorang Hamba.



Sumbangan daripada pelbagai pihak.

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2021 KUMPULAN EASY.GO (PPAS) - BOOKSFLY2U



Kumpulan Easy.Go telah menenangi Johan bagi kategori Inovasi Pencapaian Perkhidmatan (Penambahbaikan) dengan pencapaian 4 Bintang. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 20 November 2021 di KLCC Convention Centre sempena Selangor International Business Summit 2021 yang telah berlangsung dari 18-20 November 2021.

Kumpulan Easy.Go dianggotai seramai 10 orang yang terdiri dari pelbagai unit dan bahagian. Projek yang diberi nama BooksFly2U ini bertujuan memudahkan pengguna Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam dan perkhidmatan rangkaian perpustakaan membuat pinjaman buku terus daripada rumah tanpa perlu hadir ke perpustakaan dan mendapatkan buku dengan segera melalui

panggilan telefon dan menggunakan perkhidmatan e-hailing untuk buku-buku pinjaman tersebut dihantar ke alamat masing-masing.

Semasa perpustakaan tidak beroperasi disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ramai pengguna yang menelefon untuk mendapatkan bahan bacaan untuk mengisi masa lapang dan menambah ilmu pengetahuan, jadi perpustakaan telah mengambil inisiatif untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna iaitu dengan wujudnya perkhidmatan BooksFly2U.

Keunikan BooksFly2U adalah perpustakaan datang kepada pengguna dan menjadi salah satu solusi terapi minda bagi semua pengguna yang duduk di rumah.



Pengarah PPAS bersama YB Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, EXCO Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor di reruai BooksFly2U sempena Selangor International Business Summit 2021



KEUNIKAN BOOKSFly2U ADALAH PERPUSTAKAAN DATANG KEPADA PENGGUNA DAN MENJADI SALAH SATU SOLUSI TERAPI MINDA BAGI SEMUA PENGGUNA YANG DUDUK DI RUMAH



Ahli Kumpulan Easy.Go. Dari kiri: Pn. Sannyza Abd Rahim, Pn. Nurul Aizan Muner, Pn. Norhasdiana Anwar, Pn. Siti Fatybah Sulaiman, En. Zafrullah Aris, Pn. Nazaleeza Hassan, Pn. Nor Chempawan Mat Abu, Cik Salwani Adam, Cik Nur Izzani Abd Manaf, Pn. Siti Yusrina Mohd Jainudin, Mohamad Haniff Abd Razak (Tiada dalam gambar)

PEMBUKAAN PERKHIDMATAN SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)



PEMBUKAAN PERKHIDMATAN

PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM DAN
SEMUA RANGKAIAN PERPUSTAKAAN
AWAM SELANGOR

05 MAC 2021

ANDA PERLUKAN BANTUAN,
SILA HUBUNGI KAMI:

03-5519 7667

Facebook, Instagram, Twitter, @selangorlibrary

WAKTU OPERASI

PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM,
PPAS DAERAH GOMBAK, PPAS/PRUKTA KAMPUNG LINDUNGAN,
PPAS KAJANG, PPAS SUNGAI UDANG

ISNIN-AHAD | 9:00 PAGI - 6:00 PETANG

KECUALI CUTI UMUM DAN HARI KELEPASAN AM

PERPUSTAKAAN DAERAH, CAWANGAN, PEKAN, DESA

ISNIN-JUMAAT | 9:00 PAGI - 6:00 PETANG

SABTU | 9:00 PAGI - 6:00 PETANG

KECUALI CUTI UMUM DAN HARI KELEPASAN AM

LANGKAH WASPADA BAGI
MENGEKANG WABAK COVID-19



PATUHI SOP:



**MAJLIS PERASMIAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
@DATARAN SABAK, SABAK BERNAM &
PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @KG. BANTING,
SABAK BERNAM PADA 26 MAC 2021**



Perpustakaan Awam Selangor Dataran Sabak ini telah diwujudkan sejak tahun 2005. Penaiktarafannya dengan peruntukan tahun 2019 adalah di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, dengan konsep penjenamaan semula PPAS.

Di daerah Sabak Bernam sahaja, jumlah perpustakaan ialah yang tertinggi berbanding daerah lain di negeri Selangor, iaitu sebanyak 22 buah perpustakaan. Dan daripada 22 perpustakaan ini, sebanyak 9 perpustakaan telah dan sedang dinaiktaraf.

Oleh itu, PPAS membuat kajian apakah keperluan asas masyarakat untuk mencapai kebahagiaan dalam kehidupan harian, dan apa yang perlu perpustakaan sediakan bagi membantu mereka memenuhi hasrat tersebut.

Kini setelah setahun kita menghadapi pandemik, keperluan asas ini masih relevan, malah lebih kuat dirasakan kepentingannya.

Perpustakaan awam adalah ibarat "universiti rakyat" bagi masyarakat. Sebagai pusat pembelajaran, kami percaya bahawa perpustakaan awam dan kakitangan perpustakaan berpotensi menjalankan fungsi sebagai pendidik di luar waktu

sekolah dengan peluang pembelajaran yang tidak terhingga.

Perpustakaan juga menyediakan kelengkapan dan kemudahan seperti bilik perbincangan, bilik mesyuarat, WiFi percuma, dan persekitaran yang selesa dan kondusif.

Kemudahan-kemudahan ini menjadikan perpustakaan sebagai tempat tumpuan untuk bertemu bagi pelbagai golongan masyarakat: sama ada pertemuan di antara para pelajar, para ibu bapa, individu yang bekerja sendiri, ahli-ahli kelab dan persatuan.

Perpustakaan sebagai pusat pembangunan modal insan. Kemudahan dan kelengkapan bilik atau dewan seminar, dengan caj penggunaan pada kadar mampu milik untuk semua, membolehkan pelbagai kursus dan latihan yang membina kemahiran diri dijalankan di perpustakaan.

Melalui transformasi perpustakaan ini, PPAS berharap perpustakaan akan menjadi relevan dan lebih bererti dalam kehidupan individu, dan membantu menambah nilai dalam kehidupan harian.

UNIT KORPORAT

LAWATAN

Pustaka Raja Tun Uda telah menerima lawatan sebanyak 5 lawatan dengan 75 orang pelawat daripada pelbagai organisasi kerajaan dan swasta, sekolah, IPTA, IPTS, dan juga organisasi antarabangsa pada tahun 2021.

5
LAWATAN

75
PELAWAT



Dari kiri: Dr. Shahril bin Baharim (Bendahari Negeri Selangor), Pn. Ruzinah Binti Rukun (Jabatan Akauntan Negara Negeri Selangor), Datin Rugayah binti Mohd Zain (isteri Datuk Dr Yacob Bin Mustafa), Datuk Dr Yacob Bin Mustafa (Akauntan Negara Malaysia), Datin Paduka Mastura Muhamad (Pengaruh PPA), Pn Norhayati binti Othman (isteri Tuan Haji Rozaimi bin Idris), Tuan Haji Rozaimi bin Idris (Timbalan Akauntan Negara (Operasi))

10

MAKLUMBALAS

3

PUJIAN &
PENGHARGAAN

ADUAN DAN CADANGAN PELANGGAN

Sebanyak 10 maklumbalas pelanggan telah diterima sepanjang tahun 2021 merangkumi aduan dari pengguna di seluruh pusat perkhidmatan PPAS melalui saluran borang maklum balas dan juga pelbagai saluran.

Aduan yang diterima berjaya diberi maklumbalas dalam tempoh 14 hari bekerja. Bagi Pustaka Raja Tun Uda, aduan tertinggi adalah berkaitan kemudahan dan perkhidmatan, manakala bagi pusat perkhidmatan perpustakaan yang lain, aduan lebih tertumpu kepada suasana perpustakaan.

3 pujian dan penghargaan telah diterima daripada pelanggan perpustakaan bagi keseluruhan pusat perkhidmatan perpustakaan.



UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

JUMLAH KAKITANGAN PPAS 2021

Tetap **225**

Kontrak **35**

PSH **1**

JUMLAH
KAKITANGAN

261

ANUGERAH PENCAPAIAN CEMERLANG HRMIS

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menerima Anugerah Pencapaian Cemerlang HRMIS 100% bagi tahun 2020 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Y.Bhg Dato' Haji Zamani Ahmad Hj. Mansor pada 22 Oktober 2021 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



JASAMU DIKENANG
SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA



Puan Zainab Amron
1 April 1982 – 9 Januari 2021



Encik Hamid Khusaini
1 September 1982 – 15 Januari 2021



Puan Norhayati Hassan
1 September 1983 – 16 Februari 2021



Puan Habibah Ahmad
1 September 2005 – 1 Januari 2021
(Bersara Pilihan)



Dari kiri: Pn. Kamalam a/p Sugumar, Pn. Rukiah Abdul Hadi, Pn. Norhayati Hassan dan En. Mohamed Fadzli Mohd Fauzi



Dari kiri: Pn. Siti Yusrina Mohd Jainudin, Pn. Zainab Amron dan Almarhum En. Mohdi Bin Darim



Dari kiri: En. Mohd Rifa'i Bin Ahmad Kasim, Pn. Norhayati Hassan, Pn. Rukiah Abdul Hadi dan En. Shahrol Nizam Johol



Dari kiri: Pn. Masalah Md. Yatim, Pn. Isnani Awang Mat Yassin, Pn. Mariati Husin, En. Abd Hamid Bin Khusaini dan En. Nizam Bin Harun



UNIT KEWANGAN

PERUNTUKAN KEWANGAN NEGERI
RM12,049,111.00

PERUNTUKAN KEWANGAN PERSEKUTUAN
RM9,608,821.00

TAHUN 2021
JUMLAH PERUNTUKAN KEWANGAN
RM21,657,932.00

JENIS ASET

1. Perabot untuk perpustakaan yang dinaik taraf
2. Piano
3. Komputer
4. Laptop
5. Smart TV
6. Projektor
7. Drone
8. Walkie talkie
9. Scooter merah
10. Penapis air

UNIT ASET

RM1,512,901.00

**1884
UNIT**

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada tahun 2021 adalah untuk penaiktarafan bangunan perpustakaan daerah, pekan, cawangan, desa, kelengkapan dan koleksi, pembangunan prasarana IT dan perpustakaan bergerak.

TAHUN 2021
JUMLAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN
RM10,730,020.00



BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ BUKIT BANGKONG, SEPANG

Bahagian ini bertanggungjawab merancang, melaksana, memantau projek pembangunan perpustakaan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia untuk bangunan perpustakaan seluruh negeri Selangor di bawah kendalian Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.



SEBELUM
REBRANDING



SELEPAS
REBRANDING

Saiz Keluasan:
1,650 kaki persegi

Fasiliti

- | | |
|----------------------|------------------|
| 1. Ruang Bacaan | 6. Bilik Seminar |
| 2. Ruang Multimedia | 7. Wifi Percuma |
| 3. Bilik Kanak-Kanak | 8. Tandas bersih |
| 4. Bilik Diskusi | 9. Surau |
| 5. Bilik Mesyuarat | 10. Pantri |



PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ BUKIT BADONG, KUALA SELANGOR

SEBELUM
REBRANDING



SELEPAS
REBRANDING



Saiz Keluasan:
1,300 kaki persegi

Fasiliti

1. Ruang Bacaan
2. Ruang Multimedia
3. Bilik Kanak-Kanak
4. Bilik Seminar
5. Wifi Percuma
6. Tandas bersih
7. Surau
8. Pantri



PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR @ BUKIT BERUNTUNG, RAWANG



SEBELUM
REBRANDING

SELEPAS
REBRANDING



Saiz Keluasan:
725 kaki persegi

Fasiliti

1. Ruang Bacaan
2. Ruang Multimedia
3. Bahagian Kanak-Kanak
4. Bilik Seminar
5. Wifi Percuma



BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOLEKSI

SENARAI PENYUMBANG

1. Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Sultan Selangor
2. YAM Tengku Datin Paduka Setia Zatasha Binti Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
3. DYTM Tengku Amir Shah Bin Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor
4. YM Dato' Syed Haizam Hishamuddin Putra Jamalullail

JUMLAH SUMBANGAN

536
NASKHAH

PERUNTUKAN PEMBELIAN KOLEKSI

RM3,843,575.12

PEMBELIAN BUKU

122,396
NASKHAH


ALAT PERMAINAN

1,085
UNIT

AKTIVITI PEMILIHAN BAHAN

1. Kedai Buku MPH: Pemilihan buku untuk Perpustakaan Bergerak Smart Selangor yang baru.
2. Pesta Buku Negeri Selangor

Dari kiri: Pn. Raihan Monir, Pn. Hamidah Mohamad Noor dan Pn. Humairah Maiza Mohd Hanipiah semasa sesi pemilihan buku di Pesta Buku Selangor.



MAE
MALAYSIA NATIONAL ARCHIVE

Buku Murah!!!



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Perkhidmatan perpustakaan bertanggungjawab memenuhi kepuasan dan kehendak pelanggan, memberi perkhidmatan dengan mesra dan efektif serta menyampaikan maklumat yang terkini dan pantas kepada pengguna.

Di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan ialah **transaksi bahan perpustakaan** (peminjaman, pemulangan, pembaharuan), **pinjaman antara perpustakaan**.

JUMLAH HARI
PERKHIDMATAN
DIBUKA TAHUN 2021

176 HARI

5 bulan 26 hari

(*penurunan disebabkan pandemik)

PENGGUNAAN
KOLEKSI DYMM
SULTAN SELANGOR

**618
NASKHAH**

94,997
PENGUNJUNG
PUSTAKA RAJA TUN
UDA, SHAH ALAM



KRONOLOGI STATUS PERKHIDMATAN PUSTAKA RAJA TUN UDA SEPANJANG PANDEMIK COVID19- BAGI TAHUN 2021

2020 – 12 Jan.

- Perpustakaan dibuka selama 11 hari.
- Mesyuarat pengurusan secara hibrid.
- Perkhidmatan BooksFly2U beroperasi.

13 Jan. – 4 Mac

- Perpustakaan ditutup.
- Perkhidmatan BooksFly2U diteruskan.
- Mesyuarat pengurusan secara maya.
- Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan berjalan seperti biasa.

5 Mac – 5 Mei

- Perpustakaan telah dibuka sepenuhnya dengan kapasiti 50%.
- (5 Mei) Perpustakaan ditutup untuk disinfeksi.
- Mesyuarat pengurusan secara maya dan perkhidmatan essential diteruskan seperti biasa.

6 Mei – 17 Mei

- Mesyuarat pengurusan secara maya.
- Perkhidmatan pemulangan buku diteruskan (*contactless*).

15 Julai – 16 Julai

- Perpustakaan masih ditutup sepenuhnya atas perintah Kerajaan.
- Kakitangan perkhidmatan essential diteruskan seperti biasa.

1 Julai – 14 Julai

- Perpustakaan masih ditutup sepenuhnya atas perintah Kerajaan.
- Kakitangan perkhidmatan essential diteruskan seperti biasa.

1 Jun – 30 Jun

- Perkhidmatan BooksFly2U ditangguhkan sementara.
- Perpustakaan ditutup sepenuhnya atas perintah Kerajaan.
- Kakitangan perkhidmatan essential diteruskan seperti biasa.

PKPD FASA 2

PKPD

PKP 3.0 TOTAL LOCKDOWN

PKP 3.0 FASA 2

18 Mei – 31 Mei

- Mesyuarat pengurusan secara hibrid dan perkhidmatan essential diteruskan seperti biasa.
- Kehadiran kakitangan mengikut giliran (20%).

1 Oktober – 17 Oktober

- Bermula 2 Oktober kehadiran pelanggan adalah secara *walk-in*.
- BERSYARAT lengkap 2 dos vaksinasi dengan kapasiti 50% penggunaan ruang.
- Kehadiran kakitangan adalah 80%.

PPN FASA 1

PPN FASA 2

PPN FASA 3

PPN FASA 4

17 Julai – 9 Sept.

- Kehadiran pelanggan secara temujanji
- Perkhidmatan kaunter 50%
- Kakitangan 40%
- Perkhidmatan BooksFly2U beroperasi semula bermula 2 Ogos.

10 Sept. – 30 Sept.

- Pembukaan semula operasi perpustakaan pada 11 September melalui temujanji.
- BERSYARAT lengkap 2 dos vaksinasi dengan kapasiti 50% penggunaan ruang.
- Kehadiran kakitangan adalah 60%.

18 Oktober – Kini

- Kehadiran pelanggan secara *walk-in*.
- BERSYARAT lengkap 2 dos vaksinasi dengan kapasiti 50% penggunaan ruang.
- Kehadiran kakitangan adalah 100%.

PERKHIDMATAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN

MAJLIS PENYAMPAIAN
SIJIL DAN HADIAH
PESERTA BENGKEL
DIKIR BARAT DAN
WAYANG KULIT
di Perpustakaan Awam
Selangor @PJKita Community
Library Kampung Lindungan,
Petaling Jaya | 3 APRIL 2021





**PERASMIAN
PENUTUPAN PROGRAM
INISIATIF BERSEPADU
MENANGANI MASALAH
PENYALAHGUNAAN
DADAH, SUBSTANS DAN
PELENCONGAN SOSIAL
DENGAN KERJASAMA
AADK DAERAH PETALING
di Perpustakaan Awam Selangor
@PJKita Community Library
Kampung Lindungan, Petaling
Jaya | 10 APRIL 2021**

i-Station

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) merealisasikan hasrat bagi mendemokrasi pendidikan dengan membangunkan projek Smart Selangor i-Station, di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Projek Smart Selangor i-Station ini merupakan pusat daya kreatif dan sendiri yang menggabungkan empat komponen iaitu iCreate, iLearn, iCode serta EiPHub.

SMART SELANGOR
iCreate

Ditumpukan kepada mengasah kemahiran kreatif dalam bidang muzik, fotografi, penerbitan, penyiaran dan membuat video.



SMART SELANGOR
iLearn

Memfokuskan kepada mengasah kemahiran literasi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Numerasi.



SMART SELANGOR
iCode

Mengasah kemahiran berfikir aras tinggi berbentuk gamification menggunakan pengekodan Bahasa pengaturcaraan aplikasi di peringkat lanjutan.



SMART SELANGOR
EiPHub

Rujukan berkaitan perkembangan awal kanak-kanak.



“ Sometimes
the people
with the
worst past,
create the
**BEST
FUTURE** ”

~ UMAR IBNU AL KHATAB


Inisiatif ini adalah program jangkauan komuniti (*community outreach programme*) yang dibangunkan oleh Raja Nor Izah Raja Jaafar selaku Pengarah Projek Khas, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif MBI dengan Kerjasama PPAS.

Projek ini membabitkan penubuhan Pusat Daya Kreatif bertempat di Sembilan (9) perpustakaan awam dalam daerah di Selangor di bawah pengurusan PPAS. **Kaedah pembelajaran adalah sendiri menggunakan alat peranti Apple yang disediakan oleh MBI dengan jumlah keseluruhan 70 iPad, 22 iPad Pro dan 22 iMac.**



INTELLIGENCE

INDEPENDENCE



PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2021

LAWATAN DARIPADA
JABATAN KERJA RAYA
(JKR) SELANGOR
19 MAC 2021



Lawatan diketuai Puan Sharimah binti Salleh, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (baju warna kelabu)



**LAWATAN PENANDA
ARASAN DARIPADA
PERBADANAN
PERPUSTAKAAN
AWAM PULAU
PINANG (PPAPP) DAN
JABATAN KERJA RAYA
(JKR) PULAU PINANG
23 MAC 2021**

LAWATAN DARIPADA JABATAN AKAUNTAN NEGARA 5 APRIL 2021



PENYAMPAIAN SUMBANGAN BAHAN BACAAN KANAK-KANAK BAGI PROGRAM CAKNA ANAK BARISAN HADAPAN COVID-19

PENYAMPAIAN SUMBANGAN DI TASKA HOSPITAL BANTING



PENYAMPAIAN SUMBANGAN DI BANGUNAN DARUL EHSAN





PENYAMPAIAN SUMBANGAN DI TASKA JKNS SELANGOR (BANGUNAN SUNWAY)



TARIKH	JUMLAH BUKU	LOKASI
9/2/2021 (SELASA)	70 NASKHAH	HOSPITAL SELAYANG
10/2/2021 (RABU)	90 NASKHAH	HOSPITAL SERDANG MAEPS SERDANG
11/2/2021 (KHAMIS)	65 NASKHAH	HOSPITAL KAJANG
16/2/2021 (SELASA)	95 NASKHAH	HOSPITAL AMPANG
17/2/2021 (RABU)	65 NASKHAH	HOSPITAL BANTING
18/2/2021 (KHAMIS)	180 NASKHAH	BANGUNAN DARUL EHSAN
19/2/2021 (JUMAAT)	110 NASKHAH	HOSPITAL GOMBAK
22/2/2021 (ISNIN)	68 NASKHAH	HOSPITAL SG. BULOH
23/2/2021 (SELASA)	74 NASKHAH	JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR, WISMA SUNWAY SHAH ALAM
24/2/2021 (RABU)	80 NASKHAH	HOSPITAL SHAH ALAM
25/2/2021 (KHAMIS)	78 NASKHAH	HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG
16/3/2021 (SELASA)	80 NASKHAH	HOSPITAL ORANG ASLI

**JUMLAH
SUMBANGAN
1,055
NASKHAH**



**PERKONGSIAN DI INSTAGRAM @
SELANGORLIBRARY**

MAJLIS RAMAH MESRA HIJRAH BERSAMA AGENSI PELAKSANA PROGRAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN YAYASAN HIJRAH SELANGOR KE-6 | 29 MAC 2021



Penyempurnaan majlis oleh
YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari



MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA
AGENCI PELAKSANA PROGRAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN YAYASAN HIJRAH SELANGOR KE-6



Sesi menandatangani tawaran surat dan persetujuan terima pelantikan sebagai vendor skim pembiayaan Go Digital (Foodpanda dan SELDEC - Selangor Digital e-Supply Chain program)

PUSTAKA RAJA TUN UDA SHAH ALAM



YAB Dato' Menteri Besar Selangor mengambil gambar bersama penerima Sijil Success Story Usahawan Hijrah Selangor



**MAJLIS JASAMU
DIKENANG
(PERSARAAN
KAKITANGAN PPAS)
6 APRIL 2021**



Sesi bergambar kenangan.

Dari kiri: Pn. Suzliana Abd. Hamid (Timbalan Pengarah), Pn. Saliza Aini (isteri kepada En. Jailani Mustafa), Pn. Parameswary, Pn. Habibah Ahmat, YBhg. Datin Paduka Mastura (Pengarah), Pn. Zainab Amron, Pn. Norhayati Hassan, En. Hamid Khusaini dan En. Norazhan Bin Sahlan (Ketua Khidmat Pengurusan)

MAJLIS PERSARAAN



YBhg. Datin Paduka Mastura memotong kek pulut kuning bersama dengan kakitangan yang akan dan telah bersara atas khidmat bakti mereka.



PPAS

Jemputan Majlis JASAMU DIKENANG

SEMUA KAKITANGAN PPAS

6 APRIL 2021 (SELASA) | 9:00 PAGI

AUDITORIUM TINGKAT 2, PUSTAKA RAJA TUN UDA SHAH ALAM,
JALAN KELAB GOLF 13/6, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR



PROGRAM JOM BACA BERSAMA | 22 APRIL 2021

JOM baca bersama



22 April 2021 | 11:00 pagi - 11:10 pagi "baca itu terapi"




Dengan kerjasama



#malysiamembaca #selangormembaca #bacafikiramal 03 5519 7667 www.ppas.gov.my @selangorlibrary



Ucapan Perasmian program oleh YABhg. Datin Seri Masdiana Muhamad, isteri kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor merangkap Yang Dipertua PEKAWANIS.





**BILANGAN
PENGLIBATAN
(PESERTA)**

f LIVE
2,429
ORANG
PENONTON

150
SECARA
FIZIKAL



**JOM
baca
bersama 10
minit**
"baca itu terapi"
22 April 2021 | 11:00 pagi - 11:10 pagi

**JOM
baca
bersama 10
minit**
"baca itu terapi"

KETUA DAN KAKITANGAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT SHAH ALAM



Persembahan puisi nusantara
bersempena Majlis Perasmian Program
Jom Baca Bersama 10 Minit 2021

PROGRAM LANGUAGE DISCOVERY @SELANGOR PUBLIC LIBRARY | JULAI 2021

Program **Language Discovery @Selangor Public Library** telah diperkenalkan pada 30 Julai 2021 kepada pengguna. Program ini dijalankan secara dalam talian semasa pandemik dan menawarkan 14 bahasa untuk dipelajari. Yuran serendah RM10.00 seminggu dan kelas diadakan bagi tempoh 3 bulan.

Seramai 69 tenaga pengajar dilantik bagi mengendalikan 311 kelas sepanjang program dijalankan. Language Discovery @Selangor Public Library telah berjaya menarik seramai 4575 peserta yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja dan dewasa sehingga 31 Disember 2021.

Bahasa yang menjadi pilihan ramai pada tahun ini adalah Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun dan Bahasa Perancis. Pelajar akan belajar asas komunikasi di tahap pertama sepanjang kelas tersebut.



LANGUAGE DISCOVERY @ SELANGOR PUBLIC LIBRARY

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

日本語
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA JEPUN

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Hola, Mucho gusto!
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA SEPANYOL

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Hoe gaat het?
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA BELANDA

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Ciao! Buon giorno!
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA ITALI

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Bonjour! Comment allez-vous?
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA PERANCIS

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

안녕! 한국어로 말하자!
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA KOREA

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Merhaba! Nasılsınız?
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA TURKI

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

مرحبا!
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA ARAB

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

你好! 现在几点?
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA MANDARIN

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Guten Tag! Komm schön spring über deinen Schatten!
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA JERMAN

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

வணக்கம் எப்படி இருக்கிறீர்கள்?
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA TAMIL

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Get Ready to Take On the World!
1 JAM
KELAS ASAS
BAHASA INGGERIS

YURAN RM10 SEMAN
4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI: 016-241 4260 / 016-206 4264

Daftar di <https://ppas.onpay.my/>
PUSTAKA RAJA TUN UDA, SHAH ALAM
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

LANGUAGE DISCOVERY
SELANGOR PUBLIC LIBRARY

Привет! Как дела?
1 JAM
KELAS ASAS
Saya, **MASTURA BINTI HJ MUHAMAD NO. KAD PENGENALAN: 661129-11-5094**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta Nota – Nota di dalamnya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuatakuan ini dengan kepercayaan bahawa ia adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan **Akta Akuan Berkanun 1960**.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya)
Diakui oleh yang tersebut namanya di atas)
MASTURA BINTI HJ MUHAMAD)
Di SHAH ALAM, SELANGOR)
Pada 30 MAY 2022)



Di hadapan saya,



ALAMAT PESURUHJAYA SUMPAAH PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA
TETUAN KHAMDAN & CO
NO 27 JALAN KELULI AM/7AM,
PUSAT PERNIAGAAN BUKIT RAJA SEKSYEN 7,
40000 SHAH ALAM SELANGOR.
TEL:03-33413511 H/P:019-3139178

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

PENYATA OLEH PENERUSI

Saya, **DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI**, Ahli Lembaga Pengarah **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR** pada 31hb Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
Pengerusi
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Shah Alam

Tarikh : 30 MAY 2022


PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

PENYATA OLEH AHLI LEMBAGA PENGARAH

Saya, **MASZLEE BIN MALIK**, Ahli Lembaga Pengarah **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR**, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai serta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan **PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR** pada 31hb Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



.....

MASZLEE BIN MALIK

Timbalan Pengerusi

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Shah Alam

Tarikh : 30 MAY 2022

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	5	124,994,865	124,843,498
Pinjaman kenderaan dan komputer	6	61,312	70,750
Pelaburan dalam Unit Amanah		1,326	1,275
		125,057,503	124,915,523
ASET SEMASA			
Pelbagai penerimaan, deposit dan prabayar	7	475,097	499,880
Pinjaman kenderaan dan komputer	6	43,046	37,456
Simpanan tetap, wang tunai dan baki di bank	8	17,391,148	15,306,840
		17,909,291	15,844,176
		142,966,794	140,759,699
DIBIYAI OLEH			
Kumpulan Wang Berkumpul pada 31 Disember		123,896,395	124,879,212
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pendapatan tertunda	9	15,283,317	12,977,540
Peruntukan Gantian Cuti Rehat	13	1,814,537	1,422,170
		17,097,854	14,399,710
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai belum bayar, deposit dan akruan	14	1,923,168	1,443,665
Peruntukan Gantian Cuti Rehat	13	49,377	37,112
		1,972,545	1,480,777
		142,966,794	140,759,699

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM
Pendapatan - Caruman	15	21,866,664	21,867,441
Pendapatan Lain	16	8,118,250	6,370,949
Perbelanjaan Kakitangan	17	(11,887,570)	(11,004,460)
Perbelanjaan Mengurus	18	(19,080,161)	(18,755,584)
Kerugian tahun semasa		<u>(982,817)</u>	<u>(1,521,654)</u>
Cukai	19	-	-
Kerugian selepas cukai, mewakili Jumlah Kerugian Komprehensif		<u><u>(982,817)</u></u>	<u><u>(1,521,654)</u></u>

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	RM
Pada 1 Januari 2020	126,400,866
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun semasa - Kerugian tahun semasa	(1,521,654)
Baki 31 Disember 2020	<u>124,879,212</u>
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun semasa - Kerugian tahun semasa	(982,817)
Baki 31 Disember 2021	<u><u>123,896,395</u></u>

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Peruntukan Kerajaan	21,866,664	21,867,441
Tunai diterima dari pelanggan	791,537	1,864,723
Tunai dibayar kepada pembekal dan pekerja	<u>(25,466,654)</u>	<u>(25,216,109)</u>
Tunai digunakan dari kegiatan operasi	<u>(2,808,453)</u>	<u>(1,483,945)</u>
 Lain-lain terimaan		
- Faedah bank	346,039	460,611
- Penerimaan lain-lain	<u>1,120,235</u>	<u>505,285</u>
Tunai bersih digunakan dari kegiatan operasi	<u>(1,342,179)</u>	<u>(518,049)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Belian hartanah, loji dan peralatan	<u>(4,734,409)</u>	<u>(3,646,988)</u>
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan	<u>(4,734,409)</u>	<u>(3,646,988)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Peruntukan Kerajaan untuk Aktiviti Pembangunan	8,160,896	5,669,777
Geran dari Kerajaan Negeri Selangor untuk Projek Terjemahan Buku Karya Agung	-	1,475,000
Tunai bersih diterima daripada aktiviti pembiayaan	<u>8,160,896</u>	<u>7,144,777</u>
 Tambahan dalam tunai dan setara tunai	2,084,308	2,979,740
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	<u>15,306,840</u>	<u>12,327,100</u>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	<u><u>17,391,148</u></u>	<u><u>15,306,840</u></u>
TUNAI DAN SETARA TUNAI TERDIRI DARI:		
Wang tunai di tangan	2,508	2,544
Baki di Bank	3,064,337	1,193,055
Simpanan Tetap dengan Bank Berlesen	<u>14,324,303</u>	<u>14,111,241</u>
	<u><u>17,391,148</u></u>	<u><u>15,306,840</u></u>

Nota-nota yang di lampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Perbadanan adalah menubuhkan, mengurus dan menyelenggara Perpustakaan Awam Negeri Selangor dan perpustakaan-perpustakaan di daerah.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui Enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor 1968 dan telah diwartakan dalam Warta Kerajaan No.5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No.7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No.29, 2011 (pindaan).

Pejabat berdaftar dan pentadbiran terletak di Pustaka Raja Tun Uda, Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Penyata kewangan PPAS dibentangkan di dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan merupakan matawang fungsian PPAS.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah disediakan dibawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya didalam nota ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan menurut Piawai Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang diluluskan di Malaysia serta peraturan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan penting yang digunapakai oleh PPAS dibawah adalah konsisten dengan dasar-dasar yang digunapakai pada tahun kewangan terdahulu kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Hartanah,Loji dan Peralatan

Hartanah,Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan rosotnilai.

Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas kerana ia mempunyai hayat infiniti. Tanah pegangan pajak dilunaskan dalam amaun ansuran sama rata sepanjang tempoh pemegangan pajakan yang berkenaan.

Bagi kesemua hartanah, loji dan peralatan lain, susutnilai dikira menurut kaedah garis lurus sepanjang anggaran jangkamasa hayat berguna hartanah,loji dan peralatan.

Nilai sisa dan jangka hayat kegunaan aset dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif , jika bersesuaian, bilamana jangkaan berbeza daripada anggaran sebelum ini. Kerugian rosotnilai hartanah, loji dan peralatan dikaji menurut dasar-dasar perakaunan terhadap kemerosotan nilai aset bukan kewangan seperti dibentangkan dalam Nota 3.2.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.1 Hartanah,Loji dan Peralatan (sambungan)

Sesuai butiran hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi pada masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf dalam untung atau rugi.

Modal kerja dalam kemajuan adalah dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilaikan. Sebaik selesai, modal kerja dalam kemajuan dipindahkan kepada kategori hartanah, loji dan peralatan bergantung kepada jenis aset. Susutnilai ke atas hartanah, loji dan peralatan yang masih dalam pembinaan bermula apabila hartanah, loji dan peralatan sedia untuk digunakan.

Kadar susutnilai utama tahunan seperti berikut:-

Bangunan Perpustakaan	2%
Buku	25%
Kenderaan dan Jentera	20%
Kelengkapan Pejabat	20%
Komputer	25%
Lif/Eskalator	10%
E-Pustaka Multimedia	20%
XD/6D Teater	20%
Panel Solar	5%

Buku yang bernilai kurang daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja) senaskhah tidak diiktiraf sebagai aset dan dianggap sebagai sebahagian daripada Perbelanjaan Mengurus.

3.2 Kerosotan Nilai Aset Bukan Kewangan

Nilai dibawa bagi aset bukan kewangan dikaji semula untuk kerosotan nilai pada akhir setiap tempoh laporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penurunan nilai. Jika sebarang petunjuk sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset hendaklah dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosotnilai.

Kerugian kerosotan nilai diiktiraf sekiranya amaun dibawa aset atau unit penajaan tunai ("CGU") melebihi amaun boleh pulih aset tersebut. CGU adalah aset kumpulan terkecil yang menghasilkan aliran masuk tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran tunai daripada aset atau kumpulan aset lain.

Amaun boleh pulih aset atau CGU adalah nilai lebih tinggi antara nilai saksama ditolak kos pelupusan dan nilai sedang digunakan.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Kemerosotan Nilai Aset Bukan Kewangan (sambungan)

Dalam menaksir nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai kini dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan pentaksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia berlaku.

Kerugian kemerosotan nilai bagi aset ditarik balik sekiranya, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak sejak kerugiaan kemerosotan nilai terakhir diiktiraf . Amaun dibawa sesuatu aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih disemak semula, dengan syarat amaun ini tidak melebihi nilai dibawa yang akan ditentukan (selepas pelunasan atau susutnilai) tanpa sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf bagi aset pada tahun-tahun sebelumnya. Penarikbalikan kerugian rosotnilai aset diiktiraf dalam untung atau rugi.

3.3 Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai merangkumi tunai dalam tangan dan baki di bank manakala bersamaan tunai adalah terdiri daripada simpanan mudah cair jangka pendek yang sedia ditunaikan dengan risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

3.4 Instrumen Kewangan

a) Pengiktirafan awal dan pengukuran

PPAS mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, PPAS menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan (termasuk pelbagai penerimaan) dan liabiliti kewangan (termasuk pelbagai belum bayar) diukur pada nilai saksama, yang pada amnya adalah harga transaksi, ditambah dengan kos transaksi jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi dibelanjakan untuk keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Instrumen Kewangan (sambungan)

b) Pengukuran seterusnya bagi aset kewangan

Bagi tujuan pengukuran seterusnya, PPAS mengklasifikasikan aset kewangan kepada tiga kategori, iaitu: (i) aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian; (ii) aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan; dan (iii) aset kewangan yang instrumen ekuiti diukur pada kos tolak rosot nilai.

Selepas pengiktirafan awal, PPAS mengukur pelaburan dalam saham keutamaan, saham biasa dan derivatif yang merupakan aset pada nilai saksama mereka dengan merujuk kepada harga pasaran aktif, jika dilihat atau sebaliknya oleh teknik penilaian, tanpa sebarang potongan untuk kos urus niaga yang mungkin dikenakan jualan atau pelupusan lain.

Instrumen hutang kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Pelaburan dalam instrumen ekuiti tidak disebut harga dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak rosot nilai.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, semua aset kewangan lain adalah tertakluk untuk semakan semula nilai rosot nilai mengikut Nota 3.4(g).

c) Pengukuran seterusnya bagi liabiliti kewangan

Selepas pengiktirafan awal, PPAS mengukur semua liabiliti kewangan pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan, kecuali instrumen derivatif liabiliti, yang diukur pada nilai saksama.

d) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Aset kewangan tidak dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tamat, atau apabila PPAS memindahkan hak kontraktual untuk menerima aliran tunai aset kewangan, termasuk keadaan apabila PPAS hanya bertindak sebagai ejen pengutip penerima pindahan, dan tidak memperoleh sebarang risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan atau penglibatan berterusan dalam mengawal aset kewangan yang dipindahkan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dimansuhkan secara sah, sama ada apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Pengubahsuaian substansial mengenai syarat-syarat liabiliti kewangan yang sedia ada diambilkira sebagai pembatalan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Instrumen Kewangan (sambungan)

e) Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran yang disebut harga dalam pasaran aktif dan dengan ketiadaan harga pasaran yang boleh dilihat, dengan teknik penilaian seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.9.

f) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang dikelaskan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila ia timbul.

Bagi aset dan liabiliti kewangan yang dibawa pada kos pelunasan, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian hanya apabila aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak dinyahiktiraf, dan melalui proses pelunasan instrumen tersebut.

g) Kemososotan nilai aset kewangan

Jumlah kerugian kemososotan nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan

yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan, iaitu, kadar efektif yang dihitung pada pengiktirafan awal. Jumlah dibawa aset dikurangkan melalui akaun peruntukan. Jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jumlah kerugian kemososotan nilai yang berkaitan dengan aset kewangan yang dibawa pada kos diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan dengan anggaran terbaik amaun (yang mungkin sifar) yang akan diterima oleh PPAS untuk aset jika ia untuk dijual pada tarikh pelaporan.

Sekiranya dalam tempoh yang berikutnya amaun kerugian kemososotan nilai ke atas aset kewangan berkurangan dan penurunan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kemososotan nilai diiktiraf, kerugian penurunan nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan dengan melaraskan akaun peruntukan setakat yang membawa amaun aset kewangan tidak melebihi kos pelunasannya jika rosot nilai tidak diiktiraf pada tarikh rosot nilai dibalikkan. Jumlah penarikbalikan diiktiraf dalam untung atau rugi.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Instrumen Kewangan (sambungan)

g) Kemerosotan nilai aset kewangan (sambungan)

Semua penghutang yang merupakan sebahagian aset kewangan dirosotnilai apabila tertunggak melebihi tiga ratus enam puluh lima (365) hari dan setelah pasti sukar untuk dikutip.

3.5 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan merangkumi geran dan caruman yang diterima dari Kerajaan Negeri Selangor serta Kerajaan Persekutuan. Pendapatan sewa dan faedah ditentukan atas dasar akruan.

3.6 Percukaian

PPAS mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana berkuatkuasa dari tahun 2014, semua jenis pendapatan dikecualikan cukai berdasarkan Perenggan 13 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

3.7 Ganjaran kakitangan

a) Ganjaran Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan syarikat. Ketidakhadiran berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diambilkira apabila khidmat yang diberikan oleh kakitangan meningkatkan kelayakan mereka kepada ketidakhadiran berganjaran akan datang. Ketidakhadiran berganjaran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit, adalah diambilkira apabila ketidakhadiran tersebut.

b) Pelan Caruman Wajib

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencen negeri, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan komprehensif di dalam tempoh masa yang berkaitan dengannya.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.8 Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang diterima tidak mempunyai syarat-syarat tertentu diiktiraf sebagai pendapatan caruman pada masa ianya diterima.

Geran kerajaan yang diterima mempunyai syarat-syarat yang perlu dipenuhi diiktiraf sebagai geran tertunda dan akan direalisasikan sebagai pendapatan setelah syarat-syarat tersebut dipenuhi.

Geran kerajaan yang berbentuk pemindahan aset bukan kewangan, seperti tanah, diukur pada nilai saksama aset tersebut, jika nilai saksama aset tersebut boleh ditentukan atau diukur pada nilai nominal.

3.9 Pengukuran Nilai Saksama

Bagi aset, liabiliti dan instrumen ekuiti (sama ada perkara kewangan atau bukan kewangan) yang memerlukan pengukuran atau pendedahan nilai saksama, PPAS menetapkan hierarki ukuran nilai saksama yang memberi keutamaan tertinggi kepada harga disebut harga (tidak disesuaikan) dalam pasaran aktif bagi aset yang sama, liabiliti atau instrumen ekuiti dan keutamaan yang paling rendah kepada input yang tidak dapat dilihat.

Pengukuran nilai saksama sesuatu item dianggarkan menggunakan harga disebut harga dalam pasaran aktif jika harga itu dapat dilihat. Pasaran aktif adalah pasaran utama aset atau liabiliti atau, jika tidak ada pasaran utama, pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti; di mana PPAS boleh membuat transaksi untuk aset atau liabiliti pada harga di pasaran pada tarikh pengukuran.

Dalam ketiadaan harga pasaran yang aktif, nilai saksama sesuatu item dianggarkan dengan teknik penilaian yang ditetapkan menggunakan input dari pasaran yang dapat dilihat secara mendalam untuk jangka masa penuh aset atau liabiliti.

Dalam ketiadaan kedua-dua harga pasaran dan input yang boleh dilihat, pengukuran nilai saksama sesuatu item dianggarkan dengan teknik penilaian yang telah ditetapkan menggunakan input yang tidak dapat dilihat, termasuk andaian yang dibuat secara dalaman yang munasabah dan boleh disokong.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.10 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan PPAS adalah bagi memastikan ianya mempunyai sumber-sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. PPAS membiayai operasinya dengan geran kerajaan, dan dana dalaman di mana ia tidak terdedah kepada risiko kewangan. Polisi PPAS bagi aktiviti berisiko kewangan adalah seperti berikut:

i) Risiko Pelaburan

Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah memberi mandat kepada pihak Pengurusan agar aset tunai yang tidak dibelanjakan dilaburkan melalui Simpanan Tetap di dalam Institusi Kewangan yang diluluskan oleh pihak Perbendaharaan Kerajaan Negeri Selangor.

ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Pihak Pengurusan menguruskan aliran tunai bagi memastikan kesemua keperluan pembayaran dipenuhi. Di antara kaedah pengurusan kecairan yang diamalkan adalah memastikan tahap tunai dan simpanan tetap boleh ditukar kepada tunai bagi memenuhi keperluan kecairan aliran tunai dari masa ke semasa.

3.11 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila PPAS mempunyai obligasi undang-undang dan konstruktif semasa akibat peristiwa masa lalu dan kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai dapat dibuat bagi jumlah obligasi tersebut. Jika kesan nilai masa wang adalah material, amaun peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada liabiliti. Apabila diskaun digunakan, peningkatan dalam jumlah peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN (SAMBUNGAN)

Penyediaan penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia memerlukan pengurusan untuk melaksanakan penghakiman mereka dalam proses penggunaan dasar perakaunan PPAS dan yang mungkin mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan. Ia juga memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset serta liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan keputusan yang dilaporkan pada tarikh pelaporan yang mungkin mempunyai risiko yang besar menyebabkan penyesuaian yang material kepada jumlah aset dan liabiliti dibawa dalam tahun kewangan akan datang. Walaupun penghakiman dan anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik pengurusan tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula jika semakan itu hanya memberi kesan pada tempoh itu, atau dalam tempoh semakan dan masa akan datang jika semakan itu mempengaruhi kedua-dua tempoh semasa dan masa hadapan.

Dalam proses penggunaan dasar perakaunan PPAS, yang diterangkan dalam Nota 3, pihak pengurusan berpendapat bahawa sebarang penggunaan pertimbangan perakaunan tidak dijangka mempunyai kesan ketara ke atas jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Modal kerja dalam kemajuan		Tanah pegangan bebas	Tanah pajakan	Bangunan perustakaan		Kenderaan & jentera		Kelengkapan pejabat		Buku-buku	Komputer	Lif/Eskalator bangunan		E-Pustaka multi media	XD/6D Tealer	Panel Solar	Jumlah
	RM	RM			RM	RM	RM	RM	RM	RM			RM	RM				
KOSNILAI																		
Pada 1 Jan 2021 (Dinyatakan semula)	7,365,570	511,949	10,757,000	122,738,840	2,446,028	13,741,964	1,505,933	6,544,751	1,614,025	220,000	1,086,414	4,241,472	172,773,946					
Penambahan	3,931,019	-	-	-	19,800	233,038	-	550,552	-	-	-	-	4,734,409					
Pindahan/Pelupusan	(585,296)	-	-	585,296	-	(63,758)	-	(125,463)	-	-	-	-	(189,221)					
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-					
Pada 31 Dis 2021	10,711,293	511,949	10,757,000	123,324,136	2,465,828	13,911,244	1,505,933	6,969,840	1,614,025	220,000	1,086,414	4,241,472	177,319,134					
SUSUTNILAI TERKUMPUL																		
Pada 1 Jan 2021 (Dinyatakan semula)	-	-	448,208	23,362,145	2,183,274	12,332,349	1,399,173	5,437,727	1,037,011	219,999	1,086,414	424,148	47,930,448					
Susutnilai semasa	-	-	112,052	2,466,483	226,287	545,763	69,007	861,973	89,403	-	-	212,074	4,583,042					
Pindahan/Pelupusan	-	-	-	-	-	(63,758)	-	(125,463)	-	-	-	-	(189,221)					
Pada 31 Dis 2021	-	-	560,260	25,828,628	2,409,561	12,814,354	1,468,180	6,174,237	1,126,414	219,999	1,086,414	636,222	52,324,269					
NILAI BUKU BERSIH																		
Pada 31 Dis 2021	10,711,293	511,949	10,196,740	97,495,508	56,267	1,096,890	37,753	795,603	487,611	1	-	3,605,250	124,994,865					
Pada 31 Dis 2020	7,365,570	511,949	10,308,792	99,376,695	262,754	1,409,615	106,760	1,107,024	577,014	1	-	3,817,324	124,843,498					
Susutnilai tahun 2020	-	-	112,052	2,454,777	394,950	530,863	75,932	1,028,972	161,402	-	-	212,074	4,971,022					

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

6. PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER

	2021 RM	2020 RM
Pada 1 Januari	108,206	153,552
Penambahan pinjaman	40,000	7,000
Penerimaan bayaran pada tahun semasa	<u>(43,848)</u>	<u>(52,346)</u>
Pada 31 Disember	<u>104,358</u>	<u>108,206</u>
Aset semasa	43,046	37,456
Aset bukan semasa	<u>61,312</u>	<u>70,750</u>
	<u>104,358</u>	<u>108,206</u>

Pinjaman kenderaan dan komputer yang diberikan kepada kakitangan dikembalikan secara ansuran bulanan dan dikenakan faedah mengikut kadar tahunan sebanyak 4% (2020 : 4%).

7. PELBAGAI PENERIMAAN, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2021 RM	2020 RM
Penghutang sewaan	172,723	140,387
Tolak : Peruntukan kerugian rosot nilai	<u>(33,900)</u>	<u>-</u>
	138,823	140,387
Deposit-Utiliti	63,841	63,841
Yayasan Perpustakaan Raja Tun Uda	142,645	119,812
Lain-lain penghutang	<u>129,788</u>	<u>175,840</u>
	<u>475,097</u>	<u>499,880</u>

8. SIMPANAN TETAP, WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	2021 RM	2020 RM
Wang tunai di tangan	2,508	2,544
Baki di bank	3,064,337	1,193,055
Simpanan tetap dengan bank berlesen	<u>14,324,303</u>	<u>14,111,241</u>
	<u>17,391,148</u>	<u>15,306,840</u>

Kadar faedah efektif bagi simpanan tetap dengan bank berlesen ialah antara 1.85% (2020 : 1.85%) sehingga 2.10% (2020 : 3.20%), dan tempoh matang simpanan tetap ialah antara satu (1) bulan sehingga enam (6) bulan. (2019 : satu (1) bulan sehingga enam (6) bulan)

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

9. PENDAPATAN TERTUNDA

	2021 RM	2020 RM
Geran daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk Buku Audio Selangor (Nota 10)	46,127	46,127
Geran daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk pembangunan perpustakaan (Nota 11)	14,809,561	11,461,210
Geran daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk Projek Buku Terjemahan Karya Agung (Nota 12)	427,629	1,470,203
	<u>15,283,317</u>	<u>12,977,540</u>

**10. GERAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
UNTUK BUKU AUDIO SELANGOR**

	2021 RM	2020 RM
Baki awal tahun	46,127	46,127
Nilai direalis sebagai pendapatan	-	-
	<u>46,127</u>	<u>46,127</u>

Geran daripada Kerajaan Selangor adalah untuk pelaksanaan Program Penerbitan Buku Audio Negeri Selangor.

**11. GERAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
UNTUK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN**

	2021 RM	2020 RM
Baki awal tahun	11,461,210	9,376,449
Geran tambahan	8,160,896	5,669,777
Nilai direalis sebagai pendapatan	(4,812,545)	(3,585,016)
	<u>14,809,561</u>	<u>11,461,210</u>

Geran tambahan yang diterima di dalam tahun semasa adalah untuk tujuan pembinaan serta menaiktaraf beberapa perpustakaan desa, pekan dan daerah.

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

**12. GERAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
UNTUK PROJEK TERJEMAHAN BUKU KARYA AGUNG**

	2021 RM	2020 RM
Baki awal tahun	1,470,203	688,723
Geran diterima	-	1,475,000
Nilai direalis sebagai pendapatan	(1,042,574)	(693,520)
	<u>427,629</u>	<u>1,470,203</u>

Geran daripada Kerajaan Selangor adalah untuk pelaksanaan Projek Terjemahan Buku Karya Agung.

13. PERUNTUKAN GANTIAN CUTI REHAT

	2021 RM	2020 RM
Manfaat pekerja		
Pada 1 Januari	1,459,282	1,279,731
Pelarasan	455,003	219,735
Pembayaran tahun semasa	(50,371)	(40,184)
Pada 31 Disember	<u>1,863,914</u>	<u>1,459,282</u>
Liabiliti semasa	49,377	37,112
Liabiliti bukan semasa	1,814,537	1,422,170
	<u>1,863,914</u>	<u>1,459,282</u>

14. PELBAGAI BELUM BAYAR, DEPOSIT DAN AKRUAN

	2021 RM	2020 RM
Pemiutang-Hartanah,loji dan peralatan	267,786	263,238
Deposit-Sewaan	92,900	106,900
Deposit-Utiliti	9,850	12,600
Perbelanjaan terakru	1,544,528	977,815
Lain-lain pemiutang	8,104	83,112
	<u>1,923,168</u>	<u>1,443,665</u>

15. PENDAPATAN - CARUMAN

	2021 RM	2020 RM
Caruman - Kerajaan Negeri Selangor	12,049,111	12,090,930
- Kerajaan Persekutuan	9,608,821	9,608,821
Peruntukan Perpustakaan Negara Malaysia untuk Desa	208,732	167,689
	<u>21,866,664</u>	<u>21,867,441</u>

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

16. PENDAPATAN LAIN	2021	Dinyatakan Semula 2020
	RM	RM
Faedah dari akaun semasa	22,604	14,360
Faedah dari pinjaman kenderaan	3,586	3,564
Faedah dari pinjaman komputer	1,016	1,367
Faedah dari simpanan tetap	323,435	446,251
Keuntungan terhadap perubahan nilai saksama dari pelaburan dalam Unit Amanah	50	-
Pendapatan tertunda daripada Realisasi Geran Pembangunan	5,855,119	4,278,536
Kutipan denda/buku hilang	6,942	30,797
Kutipan internet	14,764	38,066
Kutipan gimnasium	39	110
Kutipan loker RATU	342	843
Kutipan XD Teater	520	3,100
Kutipan mesin fotostat	574	1,638
Pelbagai bayaran diterima	1,120,235	535,285
Kutipan sewa gerai pesta buku	362,623	556,100
Sewaan diterima	406,131	457,724
Kutipan permainan interaktif	270	1,080
Pelarasan Hutang Lapuk	-	2,128
	<u>8,118,250</u>	<u>6,370,949</u>
 17. PERBELANJAAN KAKITANGAN		
	2021	2020
	RM	RM
Imbuhan tahunan	1,028,286	592,410
Elaun Khidmat Awam	1,133,620	1,100,228
Elaun tetap yang lain	953,481	1,109,369
Gaji tetap	6,966,568	6,671,981
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	213,459	219,814
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	1,120,673	1,072,562
PERKESO	16,480	18,361
Peruntukan Gantian Cuti Rehat	455,003	219,735
	<u>11,887,570</u>	<u>11,004,460</u>

Bilangan kakitangan pada 31 Disember 2021 adalah 226 orang (2020 : 216).

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

18. PERBELANJAAN MENGURUS

	2021 RM	2020 RM
Air	34,156	94,284
Cukai tanah dan caruman berkadar	23,889	24,896
Elektrik	1,091,506	1,207,943
Faedah/Caj bank	698	504
Insuran	160,587	339,990
Jamuan ringan /kerajaan	53,838	73,532
Majalah, suratkhbar dan bahan bercetak	149,269	203,535
Projek Buku Terjemahan	1,042,574	693,520
Pembelian buku	3,372,690	3,550,825
Penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat	882,995	615,533
Penyelenggaraan kenderaan	63,606	49,675
Penyelenggaraan pejabat	1,765,443	1,789,053
Bekalan peralatan pejabat	874,704	675,476
Perbelanjaan kempen/program/projek	1,624,839	1,279,673
Percetakan dan alat tulis	254,893	132,253
Perhubungan/telefon sewaan, kos pemasangan	181,959	207,340
Perjalanan dan pengangkutan	58,882	135,899
Perkhidmatan guaman dan ikhtisas	298,112	120,397
Perkhidmatan internet	94,049	84,167
Perkhidmatan perakaunan dan audit	12,600	13,356
Perkhidmatan periklanan	44,311	48,605
Perkhidmatan perlindungan / keselamatan	563,228	599,753
Perkhidmatan perubatan	61,672	28,439
Perkhidmatan dobi	671	1,079
Petroleum	25,281	30,451
Setem/bayaran pos	-	614
Susutnilai hartanah, loji dan kelengkapan	4,583,042	4,971,022
Peruntukan kerugian rosot nilai	33,900	-
Hapus Kira Hutang	38,356	-
Upahan sambilan dan kontrak	1,608,995	1,709,076
Cukai Jualan dan Perkhidmatan	79,416	74,694
	19,080,161	18,755,584

19. CUKAI

PPAS mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana berkuatkuasa dari tahun 2014, semua jenis pendapatan dikecualikan cukai berdasarkan Perenggan 13 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

20. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Sesuatu pihak adalah dianggap sebagai berkaitan sekiranya mempunyai kemampuan untuk mengawal atau melaksanakan pengaruh yang signifikan ke atas pihak lain atau apabila kedua-dua pihak berada dibawah kawalan bersama pihak lain.

Kakitangan pengurusan utama adalah individu yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab merancang, mengarah dan mengawal aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama PPAS adalah para pengarah PPAS.

Transaksi yang dijalankan dengan pihak yang berkaitan dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
Elaun dibayar kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah		
Elaun Mesyuarat	7,500	13,500

21. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menerbitkan aset kewangan bagi satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti pada entiti yang lain.

Aset kewangan PPAS termasuk pelaburan dalam unit amanah, pelbagai penerimaan dan deposit, simpanan tetap, wang tunai dan baki di bank.

Liabiliti kewangan PPAS termasuk pelbagai belum bayar, deposit dan akruan.

Kategori instrumen kewangan

Instrumen kewangan dikategorikan sebagai berikut:-

Aset kewangan seperti penyata kedudukan kewangan

	Nilai membawa RM	Aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan RM	Nilai saksama melalui untung atau rugi RM
2021			
Pinjaman kenderaan dan komputer	104,358	104,358	-
Pelaburan dalam unit amanah	1,326	-	1,326
Penghutang dan deposit	475,097	475,097	-
Simpanan tetap dengan bank berlesen	14,324,303	14,324,303	-
Wang tunai dan baki di bank	3,066,845	3,066,845	-

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

21. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

	Nilai membawa RM	Aset keuangan yang diukur pada kos yang dilunaskan RM	Nilai saksama melalui untung atau rugi RM
2020			
Pinjaman kenderaan dan komputer	108,206	108,206	-
Pelaburan dalam unit amanah	1,275	-	1,275
Penghutang dan deposit	499,880	499,880	-
Simpanan tetap dengan bank berlesen	14,111,241	14,111,241	-
Wang tunai dan baki di bank	1,195,599	1,195,599	-

Liabiliti kewangan seperti penyata kedudukan kewangan

	2021 Nilai Membawa RM	2021 Liabiliti Kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan RM
Pelbagai belum bayar, deposit dan akruan	1,923,168	1,923,168

	2020 Nilai Membawa RM	2020 Liabiliti Kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan RM
Pelbagai belum bayar, deposit dan akruan	1,443,665	1,443,665

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

22. KOMITMEN MODAL

	2021 RM	2020 RM
Diluluskan tetapi tiada ikatan kontrak		
- Pembangunan infrastruktur	6,389,980	-
Diluluskan dan kontrak telah ditandatangani		
- Pembangunan infrastruktur	2,650,000	5,669,777
- Projek Terjemahan Karya Agung	-	1,475,000
	<u> </u>	<u> </u>





BAHASA
KOREA
BAHASA
INGGERIS

BAHASA
JEPUN
BAHASA
ITALI

BAHASA
MELAYU
BAHASA
RUSIA

BAHASA
TAMIL
BAHASA
ARAB

BAHASA
JERMAN
BAHASA
SEpanyol

LANGUAGE DISCOVERY

@ SELANGOR PUBLIC LIBRARY

YURAN:
RM10
SEJAM

4 KALI SEBULAN
KURSUS 3 BULAN

14 BAHASA

BAHASA
TURKI
BAHASA
BELANDA

BAHASA
MANDARIN
BAHASA
PERANCIS

PPAS
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR
D/A Perpustakaan Raja Tun Uda
Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13 40100 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5519 7667 Fax: 03-5510 4264

www.ppas.gov.my

[f](#) [@](#) [v](#) [t](#) [x](#) @selangorlibrary